

08/11/2003

Bush pembohong bersiri tunduk tekanan Yahudi

Prof Madya Dr Azmi Hassan

SANGGUPKAH rakyat Malaysia menerima hakikat bahawa bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dikenali oleh masyarakat antarabangsa sebagai seorang pemimpin yang pembohong?

Tetapi itulah yang cuba dibayangkan oleh Presiden Amerika Syarikat (AS), George W Bush yang cuba memberi gambaran bahawa rakyat Malaysia mempunyai seorang bekas Perdana Menteri yang suka berbohong.

Polemik itu bermula apabila Bush sewaktu menghadiri sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Bangkok baru-baru ini dikatakan menarik Dr Mahathir ke tepi dan mencela Perdana Menteri Malaysia kerana mengeluarkan kenyataan yang berbau anti-Semetik.

Hakikat bahawa Bush mengajak Dr Mahathir ke tepi tidak dapat dinafikan kerana kejadian itu berlaku di hadapan pemimpin lain. Tetapi yang menjadi pertikaian ialah apakah yang dituturkan oleh kedua-dua pemimpin itu berikutan versi diberikan mereka bertentangan di antara satu sama lain.

Mengikut versi Dr Mahathir, Bush cuba memberi penjelasan mengapa beliau terpaksa mengeluarkan kenyataan keras mengenai ucapan Dr Mahathir pada Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Putrajaya baru-baru ini.

Tetapi mengikut versi Bush pula seperti mana yang dinyatakan jurucakap Rumah Putih, Scott McClellan, bahawa Dr Mahathir telah dicela oleh Presiden AS itu kerana mengeluarkan kata-kata yang dianggap menghina kaum Yahudi. Kebenaran kenyataan McClellan dipertahankan oleh Bush pada sidang media ketika beliau membuat lawatan ke Bali, Indonesia.

Rakyat Malaysia sudah tentu menerima versi Dr Mahathir sebagai apa yang sebenarnya berlaku, bukan kerana beliau adalah pemimpin Malaysia tetapi kerana rakyat sudah masak dan serasi dengan gaya kepimpinan negarawan mereka.

Adalah amat sukar untuk mempercayai bahawa Dr Mahathir akan hanya berdiam diri apabila dicela oleh Bush. Jika benar Bush ada mengeluarkan kata-kata yang kurang diplomatik sudah tentu ada hujah balasan yang agak keras akan dituturkan oleh Dr Mahathir. Tetapi semua ini tidak berlaku kerana tiada kejadian bahasa kurang diplomatik yang dikeluarkan oleh kedua-dua pemimpin ini.

Tidak dapat dinafikan lagi bahawa cerita versi Bush adalah cerita rekaan yang dibuat untuk menyelamatkan diri sendiri. Ini tidak menghairankan kerana sejarah Presiden AS tidak lekang dari kontroversi yang dikaitkan dengan pelbagai bentuk pembohongan.

Bekas Presiden Bill Clinton umpamanya berbohong dalam skandal seks dengan Monica Lewinski. Tidak menghairankan kerana Clinton sememangnya suka berfoya-foya dengan wanita sejak beliau menjadi gabenor lagi.

Walaupun Bush tidak dicalit oleh kes pembohongan skandal seks, pembohongan Bush dianggap lebih dahsyat kerana pembohongan Clinton hanya untuk menutup kesalahan akibat nafsu buasnya. Tetapi pembohongan Bush telah mengakibatkan satu negara berdaulat musnah dan puluhan ribu rakyat tidak berdosa terkorban.

Isu senjata pemusnah besar-besaran (WMD) yang dikatakan dimiliki oleh Saddam Hussein yang menjadi penyebab mengapa Iraq diceroboh, dianggap pembohongan terbesar yang pernah dilakukan oleh seorang Presiden AS.

Timbul kehairanan mengapa Bush cuba berdolak dalih dalam isu memberi kecaman terhadap Dr Mahathir. Sebelum menghadiri sidang kemuncak Apec lagi Rumah Putih telah menggesa Bush supaya membuat celaan terbuka terhadap Dr

Mahathir. Tetapi Bush tidak menerima saranan ini, sebaliknya cuba memberi gambaran bahawa beliau melakukannya secara persendirian seperti yang terjadi di Bangkok tempoh hari.

Versi cerita Dr Mahathir mengenai apa yang berlaku di Bangkok adalah lebih dipercayai kesahihannya kerana selain dari faktor Bush adalah seorang pembohong bersiri seperti dalam kes Iraq, faktor yang lebih penting ialah Bush sememangnya keberatan untuk mencela Dr Mahathir dari mula lagi sehinggakan tidak mengikuti saranan Rumah Putih.

Tetapi setelah mendapat tekanan pelbagai pihak, terutama pelobi Yahudi iaitu Pusat Simon Wiesenthal (SWC), telah mula kelihatan Bush menukar cerita sebenar apa yang berlaku.

Perdana Menteri Kanada, Jean Chretien, yang akan bersara dan turut hadir pada persidangan Apec turut diugut oleh pelobi Yahudi SWC kerana dikatakan gagal mencela Dr Mahathir.

Tetapi, SWC memuji Bush kerana dikatakan telah mencela Dr Mahathir walaupun dilakukan secara tertutup.

Bukan setakat SWC saja yang menyarankan supaya Malaysia diboikot dalam bidang perdagangan dan pelancongan, tetapi secara senyap-senyap dan halus Rumah Putih telah mula mengambil langkah tertentu untuk menunjukkan kepada dunia bahawa Malaysia sedang dihukum.

Awal minggu lalu, Dewan Senat AS dikatakan telah menyekat bantuan ketenteraan berjumlah RM4.6 juta di atas alasan yang tidak masuk akal iaitu kebebasan menganut agama di Malaysia.

Jika didapati Malaysia mengamalkan kebebasan menganut agama dan tidak mengekang rakyat daripada menganut agama pilihan mereka, maka barulah bantuan ketenteraan ini akan disalurkan.

Seperti apa yang diperkatakan oleh penaja usul berkenaan iaitu Senator Mitch McConnell, tujuan utama sekatan ini adalah sebagai membalas apa yang dipanggil sifat anti-Yahudi yang ditunjukkan oleh Dr Mahathir.

Sebab itulah Bush sanggup melakukan apa saja dan ini termasuklah melakukan pembohongan semata-mata hanya untuk menyelamatkan diri sendiri. Jika Bush sanggup berbohong mengenai WMD Iraq yang menyebabkan bukan saja beribu-ribu rakyat Iraq terkorban, tetapi juga ratusan tentera AS, maka tidak mustahil Bush berbohong sekali lagi untuk menunjukkan bahawa beliau adalah seorang pelindung Yahudi.